

GARIS PANDUAN PENERBITAN TESIS KEPADA BUKU 2026

PENGENALAN	Penerbitan Tesis kepada Buku 2026 merupakan inisiatif strategik untuk memperkukuh ekosistem penyelidikan, penerbitan dan pemindahan ilmu. Projek ini memberikan tumpuan kepada penghasilan buku ilmiah berkualiti tinggi berasaskan tesis oleh staf akademik Universiti Sains Malaysia (USM), sekali gus meningkatkan keterlihatan hasil penyelidikan universiti pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
OBJEKTIF	1. Menggalakkan penerbitan buku berasaskan tesis oleh staf akademik USM. 2. Meningkatkan bilangan penerbitan buku penyelidikan yang berimpak tinggi.
SYARAT DAN PERATURAN PERMOHONAN	Permohonan terbuka kepada staf akademik USM dengan syarat-syarat yang berikut: 1. Kelayakan Pemohon a. Pemohon mestilah staf akademik tetap atau lantikan kontrak USM yang berstatus AKTIF sahaja. b. Pemohon merupakan penulis utama dan pemilik hak cipta tesis yang dicadangkan. c. Tesis adalah pada peringkat Doktor Falsafah (PhD) yang telah lulus <i>viva-voce</i>. 2. Kriteria Tesis/Manuskrip a. Tesis mempunyai nilai akademik yang tinggi, relevan dan berpotensi diterbitkan sebagai buku ilmiah. b. Skop dan kandungan tesis sesuai untuk diolah semula kepada format buku (bukan laporan teknikal semata-mata). c. Tesis belum pernah diterbitkan sebagai buku oleh mana-mana penerbit. d. Kandungan tesis tidak melanggar isu hak cipta, etika penyelidikan atau sensitiviti perundangan.

	3. Komitmen Pemohon a. Pemohon bersedia untuk: • Menghadiri webinar penerangan dan bengkel intensif penulisan yang ditetapkan. • Melaksanakan pengolahan tesis kepada buku mengikut garis masa dan panduan Penerbit. b. Pemohon bersedia menerima pandangan editorial, melaksanakan semakan dan penambahbaikan sepanjang proses penerbitan.
TERMA AM	1. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan adalah muktamad. 2. Kelulusan permohonan tidak menjamin penerbitan, dan tertakluk kepada kualiti manuskrip serta pematuhan proses penerbitan untuk kelulusan penerbitan. 3. Pemohon yang berjaya perlu menandatangani perjanjian penerbitan dengan Penerbit setelah judul diluluskan untuk penerbitan.
PERUNTUKAN PENERBITAN	Peruntukan untuk penerbitan akan dibiayai sepenuhnya oleh Penerbit, tertakluk kepada penerbitan dalam format bercetak dan hitam putih sahaja.
PENYEDIAAN MANUSKRIP	1. Perisian: MS word 2. Jenis dan saiz fon: Times New Roman, 11/12 pt 3. Berjarak ganda dua 4. Margin 1 inci di keliling muka surat (kiri/kanan/atas/bawah) 5. Muka surat dinomborkan: bahagian awalan (angka roman), teks dan bahagian akhiran (angka arab) 6. Manuskrip disediakan dalam satu (1) fail/dokumen sahaja (BUKAN berasingan) 7. Makluman tentang penggunaan perisian atau fon khusus (jika berkenaan) 8. Ketebalan minimum buku terbit yang disarankan ialah 100 halaman bagi buku bidang sains, dan 150 halaman bagi buku bidang sastera; dengan perbincangan setiap bab perlu selaras dan seimbang dari segi struktur dan kepanjangan.

**BORANG PERMOHONAN
PENERBITAN TESIS KEPADA BUKU**



A	MAKLUMAT TESIS
(i)	Tajuk tesis:
(ii)	Bidang kajian:
(iii)	Tahun kajian tesis: Mula Tamat
(iv)	Sila sertakan senarai kandungan tesis asal.
(v)	Adakah bahan tesis pernah diterbitkan? (nyatakan maklumat artikel jurnal/bab dalam buku)
B	MAKLUMAT PENULIS
(i)	Nama :
(ii)	Jawatan (sila tanda pada kotak berkenaan) : ☐ Profesor ☐ Prof. Madya ☐ Dr. ☐ Tuan/Puan
(iii)	Pusat pengajian/Institut/Pusat/Unit:
(iv)	No. telefon pejabat: Alamat e-mel: No. telefon bimbit:
(v)	Jawatan akademik:

	(c) Bilangan halaman yang dijangkakan (ditaip jarak berganda dua pada kertas A4). (d) Senaraikan penerbitan buku, monograf atau penerbitan yang seumpamanya yang telah dihasilkan oleh penulis. (e) Sertakan salinan laporan pemeriksaan <i>viva-voce</i> (sekiranya ada).
(xii)	Pengakuan Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan yang dijalankan dan penulisan tesis telah dilaksanakan mengikut dasar dan etika Universiti. Penulis mengaku bahawa semua bahan yang dimuatkan di dalam buku ini (teks, ilustrasi dan jadual) yang dipetik daripada mana-mana sumber yang dilindungi hak ciptanya telah terlebih dahulu diperoleh izin untuk diterbitkan semula oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia dan penghargaan yang sewajarnya telah dinyatakan. Tandatangan: Tarikh:

